

Transformasi Enakmen Mahkamah Syariah 2024 dalam Memperkukuh Institusi Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

The Transformation of the Syariah Court Enactment 2024 in Strengthening the Syariah Judiciary Institution of Negeri Sembilan

^{i,*}Khairil Hafiz Nazari, ⁱKamal Bashah Ahmad Tajuddin & ⁱJapri Bahari

ⁱJabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, 71950 Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: khairilhafiz@esyariah.gov.my

Article history:

Submission date: 1 June 2025

Received in revised form: 10 August 2025

Acceptance date: 25 October 2025

Available online: 31 December 2025

Keywords:

Syariah Court Enactment 2024, Syariah judiciary, judicial independence, Syariah supreme court, Syariah judicial committee, Islamic judicial reform, digitalisation of justice, Enakmen Mahkamah Syariah 2024, kebebasan kehakiman, institusi kehakiman Syariah, Mahkamah Utama Syariah, reformasi kehakiman Islam

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sector.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Nazari, K. H., Ahmad Tajuddin, K. B., & Bahari, J. (2025). Transformasi Enakmen Mahkamah Syariah 2024 dalam memperkukuh institusi kehakiman syariah Negeri Sembilan: The transformation of the Syariah Court Enactment 2024 in strengthening the syariah judiciary institution of Negeri Sembilan. *Al-Taqrir: Jurnal Perundangan Syariah Negeri Sembilan*, 1(1), 122-132. <https://doi.org/10.33102/altaqir.22>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

This article examines the reform of the Syariah judicial institution in Negeri Sembilan through the enactment and approval of the *Negeri Sembilan Syariah Court Enactment 2024* by the State Legislative Assembly (DUN). Previously, the jurisdiction and structure of the Syariah judiciary in the state were governed by the *Administration of the Religion of Islam Enactment 2003*, which did not provide specific emphasis on judicial matters. The main issue identified was the absence of a dedicated legal framework to regulate the court structure comprehensively, thus creating gaps in safeguarding the independence, integrity, and professionalism of the Syariah judiciary. This study is significant as it assesses the efforts of Negeri Sembilan to strengthen its Syariah judicial system through the new enactment, which introduces a more systematic and integrated structure, including the establishment of the Syariah Supreme Court (*Mahkamah Utama Syariah*) and the Syariah Judicial Committee as an independent body responsible for judicial appointments, ethics, and discipline. The primary objective of this study is to evaluate the extent to which this enactment can serve as a model for Islamic judicial reform at the state level. The study employs a comparative analytical approach by examining the content of the new enactment and comparing it with judicial enactments in other states, such as Perak and Kedah, which had earlier introduced similar provisions. The findings reveal that the enactment not only completes the state's legal structure but also positions Negeri Sembilan as a pioneer in the agenda of Islamic judicial reform in Malaysia. The article recommends that the implementation of the enactment be reinforced through regular monitoring, enhanced judicial training, and the adoption of digital systems to support administrative efficiency. Overall, this study contributes to academic discourse on the development of an Islamic judicial system that is independent, efficient, and imbued with integrity, while offering important implications for broader Syariah legal reform in Malaysia.

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan reformasi institusi kehakiman Syariah di Negeri Sembilan melalui penggubalan dan kelulusan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 oleh Dewan Undangan Negeri (DUN). Sebelum ini, bidang kuasa serta struktur kehakiman Syariah di negeri ini tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003 yang tidak memberikan penekanan khusus terhadap aspek kehakiman. Permasalahan utama yang dikenal pasti ialah ketiadaan kerangka undang-undang tersendiri yang mengatur struktur mahkamah secara menyeluruh, sekali gus mewujudkan jurang dalam memastikan kebebasan, keutuhan, dan profesionalisme institusi kehakiman Syariah. Artikel ini penting kerana ia menilai usaha Negeri Sembilan untuk memperkukuh sistem kehakiman Syariah melalui enakmen baharu yang memperkenalkan struktur lebih sistematik dan bersepadu, termasuk penubuhan Mahkamah Utama Syariah serta Jawatankuasa Kehakiman Syariah sebagai badan bebas yang menguruskan hal ehwal pelantikan, etika dan tata tertib hakim. Matlamat utama kajian adalah untuk menilai sejauh mana enakmen ini mampu menjadi model reformasi kehakiman Islam di peringkat negeri. Metodologi kajian menggunakan pendekatan analisis perbandingan dengan meneliti kandungan enakmen baharu ini serta membandingkannya dengan enakmen kehakiman di negeri lain seperti Perak dan Kedah yang lebih awal menggubal peruntukan seumpamanya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa enakmen ini bukan sahaja melengkapkan struktur perundangan negeri, tetapi turut meletakkan Negeri Sembilan sebagai antara peneraju dalam agenda pembaharuan kehakiman Islam di Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada wacana akademik mengenai pembangunan sistem kehakiman Islam yang lebih bebas, efisien, dan berintegriti, sekali gus memberi implikasi penting terhadap usaha reformasi undang-undang Syariah di Malaysia.

Pendahuluan

Mahkamah Syariah merupakan salah satu tonggak utama dalam pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Kedudukan dan bidang kuasanya diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, khususnya melalui Jadual Kesembilan Senarai Negeri dan Perkara 121(1A), yang memberikan autoriti kepada negeri-negeri untuk menubuh dan menguruskan institusi kehakiman Syariah masing-masing. Justeru, wujud kepelbagaian dalam struktur, bidang kuasa, dan pentadbiran Mahkamah Syariah antara negeri, termasuk dalam aspek organisasi, pelantikan hakim serta tatacara kehakiman.

Di Negeri Sembilan, sebelum tahun 2024, struktur Mahkamah Syariah masih bergantung kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003 yang menyediakan kerangka umum pentadbiran hal ehwal Islam. Walaupun enakmen tersebut menyentuh peruntukan berkaitan Mahkamah Syariah, ia tidak memberikan struktur khusus dan menyeluruh yang menekankan aspek kehakiman, termasuk peranan jawatankuasa pelantikan hakim, mekanisme tata tertib, dan kod etika kehakiman. Kekosongan ini dilihat sebagai suatu kekangan dalam menjamin prinsip kebebasan kehakiman (*judicial independence*) dan keutuhan institusi kehakiman Syariah.

Latar inilah yang mendorong penggubalan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024, suatu usaha reformasi undang-undang yang dirangka secara sistematik oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Inisiatif ini dipelopori oleh JKSNS di bawah pimpinan bekas Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan, YAA Dato' Abas bin Nordin, yang kini berkhidmat sebagai Hakim Rayuan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Usaha ini turut disokong oleh Jawatankuasa Kluster Enakmen Mahkamah Syariah yang ketika itu diketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan, iaitu YAA Dato' Kamal Bashah bin Dato' Ahmad Tajuddin, yang kini menjawat jawatan sebagai Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan.

Turut memainkan peranan penting dalam merangka dan membangunkan enakmen ini ialah Tuan Japri bin Bahari, Hakim Kanan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban ketika itu; Puan Yuhani binti Yusop, Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri (Syariah); Tuan Khairil Hafiz bin Nazari, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Port Dickson; Puan Asma' binti Bharun Narosid, Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Sembilan; Tuan Mohd Ihsan bin Mohamad Daud, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah; serta Puan Zarina binti Haji Zuber, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban.

Proses penggubalan ini turut diperkukuh melalui lawatan kerja ke Negeri Perak dan Kedah, serta beberapa siri sesi libat urus melibatkan kerjasama erat antara JKSNS, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan. Pendekatan kolaboratif ini membolehkan enakmen yang dihasilkan bersifat komprehensif dan sejajar dengan keperluan kontemporari institusi kehakiman Islam negeri.

Pihak penggubal juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah dan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan atas kesudian berkongsi draf Enakmen Kehakiman Syariah masing-masing sebagai panduan dan rujukan penting dalam pembentukan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024. Perkongsian ini telah memperkukuh aspek teknikal dan kandungan undang-undang, sekali gus memastikan enakmen Negeri Sembilan menepati keperluan semasa dan berpaksikan amalan terbaik di peringkat negeri.

Enakmen ini memperkenalkan struktur kehakiman yang lebih komprehensif, termasuk penubuhan Mahkamah Utama Syariah sebagai mahkamah rayuan tertinggi negeri serta Jawatankuasa Kehakiman Syariah sebagai badan bebas menguruskan hal ehwal pelantikan dan etika hakim, setara dengan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman di Mahkamah Sivil. Kelulusan enakmen ini oleh Dewan Undangan Negeri pada 28 November 2024 menjadikan Negeri Sembilan negeri keempat selepas Perak, Kedah, dan Sabah yang mempunyai enakmen kehakiman Syariah tersendiri.

Penulisan ini dihasilkan bagi menilai transformasi institusi kehakiman Syariah Negeri Sembilan melalui Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024, dengan memberi perhatian khusus kepada latar belakang penggubalannya, perbandingan dengan enakmen di negeri lain, serta implikasinya terhadap prinsip kebebasan, integriti, dan profesionalisme kehakiman Syariah. Diharapkan perbincangan ini dapat menyumbang kepada wacana akademik mengenai reformasi kehakiman Islam di Malaysia serta menjadi rujukan bagi penggubalan dasar dan undang-undang di negeri-negeri lain.

Tinjauan Literatur

Perbincangan mengenai institusi kehakiman Syariah di Malaysia telah lama menarik perhatian sarjana, khususnya berkaitan dengan isu kebebasan kehakiman, bidang kuasa, dan struktur pentadbiran yang berbeza dengan sistem kehakiman sivil. Secara umum, literatur terdahulu menunjukkan bahawa sistem kehakiman Syariah masih berdepan dengan pelbagai kekangan, termasuk keterikatan dengan Majlis Agama Islam Negeri, ketiadaan mekanisme pelantikan yang bebas, dan ketiadaan struktur khusus yang mengawal etika serta tata tertib kehakiman. Oleh itu, ramai sarjana berpendapat bahawa penggubalan enakmen khusus berkaitan Mahkamah Syariah di peringkat negeri merupakan langkah kritikal ke arah reformasi.

Farid Sufian Shuaib (2003) dalam *“Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia”* menegaskan bahawa kelemahan ketara institusi Mahkamah Syariah adalah ketiadaan struktur kehakiman yang lengkap, khususnya dalam aspek rayuan dan pelantikan hakim. Beliau berpendapat bahawa tanpa enakmen tersendiri, Mahkamah Syariah sukar mencapai tahap kebebasan yang diperlukan bagi menjamin integriti kehakiman.

Pandangan ini turut disokong oleh Che Pa *et al.*, (2016) yang menyoroti kesan pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Walaupun pindaan tersebut memperkukuh bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah, ia tidak diiringi dengan pembentukan kerangka institusi kehakiman yang lebih mantap. Kekosongan ini menyebabkan Mahkamah Syariah masih dilihat sebagai institusi yang berada di bawah pengaruh pentadbiran eksekutif negeri.

Shamrahyu A. Aziz (2022) pula menekankan cabaran kebebasan kehakiman apabila hakim-hakim syarie lazimnya dilantik oleh Majlis Agama Islam negeri. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap prinsip pemisahan kuasa, sekali gus menjejaskan kebolehan hakim membuat keputusan secara telus dan adil. Beliau menegaskan perlunya mekanisme bebas seperti Jawatankuasa Kehakiman yang kini diwujudkan dalam Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024.

Selain itu, Ahmad Ibrahim (1997) dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia pernah menekankan keperluan mewujudkan struktur kehakiman Syariah yang lebih tersusun agar mampu bersaing dengan sistem sivil dari sudut profesionalisme dan kredibiliti. Pandangan beliau kekal relevan dalam konteks semasa kerana isu struktur institusi kehakiman masih menjadi perdebatan. Begitu juga, Ramizah Wan Muhammad (2009) dalam kajiannya mengenai sejarah pentadbiran kehakiman Islam di Malaysia menegaskan bahawa kelemahan institusi kehakiman sering berpunca daripada ketiadaan pembahagian kuasa yang jelas antara peranan pentadbiran dan kehakiman.

Dalam konteks perbandingan negeri, Perak menggubal Enakmen Mahkamah Syariah Perak 2018 dengan memperkenalkan empat lapisan mahkamah serta jawatankuasa khas pelantikan hakim. Kedah pula dengan Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 2008 telah menubuhkan Mahkamah Utama Syariah dan Lembaga Kehakiman Syariah sebagai rujukan penting. Sabah juga mempunyai enakmen tersendiri yang, walaupun berbeza, tetap menekankan prinsip penambahbaikan struktur institusi kehakiman.

Kajian-kajian ini jelas menunjukkan trend reformasi kehakiman Syariah ke arah mewujudkan struktur perundangan yang lebih bebas, sistematik, dan berpaksikan prinsip tadbir urus yang baik. Dalam kerangka ini, Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 bukan sahaja menelusuri jejak negeri lain, tetapi turut memperluasnya dengan memperkenalkan Mahkamah Utama Syariah, penekanan terhadap mekanisme pelantikan hakim yang bebas, serta penyepaduan teknologi digital dalam pentadbiran kehakiman.

Kesimpulannya, literatur yang ada membuktikan bahawa kelemahan struktur institusi kehakiman Syariah telah lama dikenal pasti sebagai isu kritikal yang menjejaskan kebebasan, kredibiliti, dan integriti Mahkamah Syariah di Malaysia. Oleh itu, kajian mengenai Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 amat signifikan kerana ia bukan sahaja mengisi kelompongan akademik, tetapi juga menawarkan bukti konkrit bahawa reformasi institusi kehakiman Syariah adalah suatu keperluan mendesak demi memastikan keadilan Islam dapat ditegakkan secara lebih telus, bebas, dan berwibawa.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia menekankan analisis yang mendalam terhadap dokumen undang-undang, amalan institusi, dan konteks sosio-perundangan yang melatari pembentukan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024. Pendekatan kualitatif dipilih kerana isu yang dikaji bukan sekadar soal peruntukan undang-undang secara tekstual, tetapi juga berkaitan dengan dinamika institusi, prinsip kebebasan kehakiman, serta pengaruh struktur pentadbiran yang wujud sebelum ini. Kaedah utama yang digunakan ialah analisis kandungan (*content analysis*). Analisis ini melibatkan penelitian terhadap beberapa dokumen perundangan utama, iaitu:

- i. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003 sebagai asas struktur terdahulu.
- ii. Enakmen Mahkamah Syariah Perak 2018, Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 2008, dan Enakmen Mahkamah Syariah Sabah sebagai bahan perbandingan rentas negeri.
- iii. Perlembagaan Persekutuan (khususnya Perkara 121(1A) dan Jadual Kesembilan) sebagai rujukan kedudukan Mahkamah Syariah dalam kerangka perlembagaan negara.
- iv. Akta Mahkamah Kehakiman 1964 sebagai kayu ukur struktur kehakiman sivil.

Analisis kandungan ini dilakukan secara sistematik untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan, serta jurang struktur antara undang-undang sedia ada dan enakmen baharu Negeri Sembilan. Penekanan khusus diberikan kepada aspek bidang kuasa, mekanisme pelantikan hakim, tahap kebebasan institusi, dan sistem rayuan.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah kajian lapangan kualitatif berbentuk lawatan kerja dan bengkel libat urus. Antaranya ialah lawatan kerja ke Mahkamah Syariah Perak pada 28 Ogos 2020 dan Mahkamah Syariah Kedah pada 25 Julai 2022. Lawatan ini memberi peluang untuk memahami amalan terbaik negeri lain, termasuk struktur mahkamah berlapis, mekanisme jawatankuasa kehakiman, serta model tatakelola pelantikan hakim. Dapatan daripada lawatan ini kemudiannya dibandingkan dengan keperluan Negeri Sembilan.

Di samping itu, beberapa siri bengkel penggubalan enakmen (2021–2023) yang dianjurkan oleh JKSNS dengan kerjasama MAINS dan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri turut dijadikan sumber data primer. Bengkel ini menjadi platform perbincangan antara penggubal undang-undang, hakim syarie, pegawai undang-undang negeri, dan pentadbir kehakiman. Data yang diperoleh berbentuk pandangan, cadangan, dan penilaian kritis terhadap draf enakmen yang sedang dibangunkan.

Kesemua data tersebut dianalisis secara tematik dengan mengenal pasti tema-tema utama seperti kebebasan kehakiman, struktur institusi, mekanisme pelantikan, dan integrasi teknologi digital. Analisis tematik ini membolehkan penulis merumuskan sejauh mana enakmen baharu ini dapat memperkukuh institusi kehakiman Syariah Negeri Sembilan berbanding kerangka terdahulu dan negeri lain.

Kesimpulannya, metodologi kualitatif ini memberikan kefahaman yang lebih menyeluruh tentang penggubalan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 dengan menggabungkan analisis dokumen undang-undang dan pengalaman praktikal melalui lawatan serta bengkel. Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk menilai suatu transformasi undang-undang dalam konteks institusi dan amalan kehakiman Islam secara mendalam dan kontekstual.

Hasil dan Perbincangan

Struktur Perundangan Baharu dan Rasional Penggubalan

Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 memperkenalkan satu kerangka undang-undang yang lebih tersusun berbanding peruntukan terdahulu dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003. Secara keseluruhan, enakmen ini mengandungi 56 seksyen, 9 bahagian, dan 1 jadual yang memperincikan aspek-aspek kritikal dalam pentadbiran kehakiman Syariah, termasuk penubuhan mahkamah, bidang kuasa, pelantikan hakim, tatacara rayuan, dan peruntukan berkaitan etika serta disiplin kehakiman. Penggubalan ini secara rasmi menggugurkan Bahagian IV Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003, yang hanya memperuntukkan perihal Mahkamah Syariah secara umum tanpa memberi struktur yang komprehensif dan khusus. Rasional utama penggubalan enakmen ini boleh diuraikan melalui beberapa dimensi:

Pengasingan Fungsi Pentadbiran Agama dan Kehakiman

Sebelum ini, fungsi kehakiman Syariah Negeri Sembilan masih terlalu rapat dengan pentadbiran agama yang dikawal oleh MAINS. Hal ini menimbulkan isu dari segi kebebasan hakim untuk membuat keputusan tanpa pengaruh pentadbiran eksekutif. Seperti yang ditegaskan oleh Shamrahayu (2022), ketiadaan pemisahan kuasa antara eksekutif dan kehakiman merupakan antara faktor utama yang menjejaskan kebebasan badan kehakiman Syariah di Malaysia. Oleh itu, enakmen ini berperanan mewujudkan garis pemisah yang jelas antara fungsi pentadbiran dan kehakiman, selari dengan prinsip *separation of powers* dalam sistem perundangan moden.

Pelantikan Hakim Melalui Mekanisme Bebas

Sebelum ini, pelantikan hakim dibuat berdasarkan syor MAINS kepada DYMM Yang Dipertuan Besar, tanpa mekanisme saringan bebas yang menilai merit calon hakim. Enakmen baharu ini memperkenalkan Jawatankuasa Kehakiman Syariah, sebuah badan bebas yang menyelia aspek pelantikan, disiplin dan etika hakim. Langkah ini mencontohi model pelantikan kehakiman sivil di bawah *Judicial Appointments Commission Act 2009 (Act 695)*, yang telah meningkatkan kredibiliti institusi kehakiman sivil di Malaysia. Farid Sufian (2003) juga menegaskan bahawa kelemahan utama institusi kehakiman Syariah ialah ketiadaan sistem pelantikan yang bebas, yang boleh menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap keadilan keputusan yang dibuat.

Mewujudkan Ruang Rayuan Kedua

Sebelum ini, struktur kehakiman Syariah Negeri Sembilan hanya membenarkan satu kali rayuan melalui Mahkamah Rayuan Syariah. Hal ini menimbulkan persoalan tentang keterbatasan akses kepada keadilan, khususnya dalam kes-kes yang kompleks atau melibatkan tafsiran undang-undang baharu. Dengan penubuhan Mahkamah Utama Syariah, enakmen ini menyediakan ruang rayuan kedua, yang berfungsi sebagai *“guardian of consistency”* dalam menetapkan prinsip undang-undang Islam negeri. Ini selaras

dengan dapatan Farid Sufian (2003) bahawa sistem kehakiman Syariah memerlukan peringkat rayuan yang lebih tinggi bagi menambah baik ketelusan dan memastikan keseragaman prinsip undang-undang.

Penyelarasan Struktur Dengan Negeri Lain

Negeri Perak (2018), Kedah (2008), dan Sabah telah lebih awal menggubal enakmen kehakiman masing-masing. Pengalaman negeri-negeri ini menunjukkan bahawa penggubalan enakmen tersendiri dapat meningkatkan keberkesanan pentadbiran kehakiman, terutamanya dalam aspek rayuan dan pelantikan hakim. Che Pa *et al.*, (2016) menekankan bahawa selepas pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah telah diperkukuh, namun tanpa reformasi struktur institusi, pengiktirafan ini tidak dapat diterjemahkan secara efektif. Oleh itu, penggubalan enakmen ini meletakkan Negeri Sembilan pada landasan yang sama dengan negeri-negeri lain yang lebih awal melaksanakan reformasi kehakiman Syariah.

Secara keseluruhannya, penggubalan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 menandakan satu anjakan paradigma daripada kerangka pentadbiran umum kepada kerangka kehakiman khusus yang menekankan kebebasan, integriti dan profesionalisme. Ia tidak hanya mengukuhkan struktur dalaman institusi kehakiman, tetapi juga meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sistem keadilan Syariah sebagai sebuah institusi yang bebas, moden dan berwibawa.

Penubuhan Mahkamah Utama Syariah: Menambah Tahap Rayuan

Antara inovasi paling signifikan dalam Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 ialah penubuhan Mahkamah Utama Syariah sebagai mahkamah Syariah tertinggi peringkat negeri. Sebelum enakmen ini, struktur kehakiman Syariah di Negeri Sembilan hanya terdiri daripada tiga lapisan: Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, dan Mahkamah Rayuan Syariah. Struktur ini sering dianggap tidak memadai kerana hanya menyediakan satu tahap rayuan sahaja, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai keterbatasan akses kepada semakan kehakiman yang lebih tinggi.

Dengan pengenalan Mahkamah Utama Syariah, sistem kehakiman Syariah Negeri Sembilan kini mempunyai empat lapisan, menjadikannya lebih seimbang dengan sistem kehakiman sivil yang berakhir dengan Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Utama Syariah berfungsi sebagai mahkamah rayuan kali kedua, yang membawa implikasi besar dari segi keadilan prosedural dan ketelusan. Antara fungsi utamanya termasuk:

- i. Menyemak keputusan Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes-kes penting, rumit, atau yang melibatkan tafsiran undang-undang baharu. Ini memastikan tidak ada keputusan besar yang hanya bergantung kepada satu peringkat semakan sahaja.
- ii. Menjadi “*guardian of consistency*” iaitu menjaga keseragaman prinsip undang-undang Islam dalam negeri. Hal ini sangat penting kerana tanpa badan tertinggi, keputusan mahkamah mungkin berbeza-beza dan menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat.
- iii. Mengukuhkan autoriti prinsip undang-undang Islam di peringkat negeri dengan memberikan tafsiran yang lebih berwibawa, sekali gus meningkatkan tahap *predictability* dan *certainty* dalam amalan kehakiman.

Model Mahkamah Utama Syariah ini bukanlah asing di Malaysia. Negeri Kedah telah lebih awal memperkenalkan institusi ini melalui Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 2008, diikuti Sabah, manakala Perak mewujudkan struktur empat lapisan mahkamah menerusi Enakmen Mahkamah Syariah Perak 2018. Menurut Nasohah *et al.*, (2012), penambahan lapisan rayuan berperanan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap sistem kehakiman Syariah kerana wujud peluang semakan lebih tinggi sebelum sesuatu keputusan dimuktamadkan. Dari perspektif teori keadilan, hal ini selari dengan prinsip *natural justice* yang menekankan hak pihak-pihak untuk mendapatkan semakan bebas terhadap keputusan mahkamah.

Tambahan lagi, kewujudan Mahkamah Utama Syariah dapat mengurangkan persepsi negatif bahawa sistem kehakiman Syariah bersifat “*inferior*” berbanding sistem kehakiman sivil yang menyediakan ruang semakan lebih luas. Seperti yang ditegaskan oleh Farid Sufian Shuaib (2003), salah satu kelemahan tradisi kehakiman Syariah di Malaysia ialah ketiadaan mahkamah tertinggi di peringkat negeri yang

mampu memberikan tafsiran undang-undang secara muktamad. Dengan adanya Mahkamah Utama Syariah, kelemahan ini kini diatasi.

Walau bagaimanapun, penubuhan Mahkamah Utama Syariah juga membawa cabaran, khususnya dari segi peruntukan sumber manusia, kewangan, dan latihan kehakiman. Mahkamah tertinggi ini memerlukan hakim-hakim yang berwibawa, berpengalaman luas, dan mempunyai kepakaran dalam pelbagai disiplin undang-undang Islam. Jika aspek ini tidak ditangani dengan baik, fungsi Mahkamah Utama Syariah berisiko menjadi formaliti semata-mata tanpa menambah nilai kepada sistem kehakiman. Oleh itu, keberkesannya bergantung kepada pengisian jawatan hakim, keberanian dalam membuat tafsiran undang-undang, serta kesediaan institusi menyediakan sokongan pentadbiran dan digital yang memadai.

Penubuhan Mahkamah Utama Syariah dalam Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 menandakan anjakan yang memperkukuh struktur rayuan, meningkatkan konsistensi keputusan kehakiman, dan memperlihatkan kesediaan Negeri Sembilan untuk sejajar dengan amalan negeri-negeri peneraju lain. Ia sekali gus meletakkan negeri ini pada posisi penting dalam peta reformasi kehakiman Syariah di Malaysia.

Penubuhan Jawatankuasa Kehakiman Syariah: Autonomi Pelantikan dan Integriti

Sebelum penggubalan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024, mekanisme pelantikan Hakim Syarie di Negeri Sembilan dibuat melalui cadangan MAINS kepada DYMM Yang Dipertuan Besar. Walaupun proses ini sah dari sudut undang-undang negeri, ia menimbulkan persoalan serius berkaitan kebebasan kehakiman kerana terlalu bergantung kepada badan eksekutif agama. Model ini memberi ruang kepada kemungkinan berlakunya campur tangan eksekutif terhadap peranan kehakiman, sekali gus menjejaskan prinsip pemisahan kuasa (*separation of powers*).

Dengan lahirnya Enakmen 2024, Negeri Sembilan memperkenalkan Jawatankuasa Kehakiman Syariah sebagai sebuah badan bebas yang berfungsi mengurus hal ehwal pelantikan, disiplin, dan etika kehakiman. Peranan utama jawatankuasa ini merangkumi tiga aspek kritikal:

Menyaring dan Menilai Calon Hakim Berdasarkan Merit

Calon hakim kini akan dinilai bukan sahaja dari sudut kelayakan akademik dan pengalaman, tetapi juga integriti, kewibawaan, dan keupayaan untuk mengendalikan kes-kes Syariah secara profesional. Ini meningkatkan ketelusan dan mengelakkan pelantikan berasaskan hubungan politik atau pertimbangan bukan merit.

Mengurus Tata tertib dan Disiplin Hakim

Jawatankuasa berkuasa menilai aduan salah laku, kelemahan integriti, atau pelanggaran etika hakim. Kuasa ini memberi jaminan bahawa hakim bertanggungjawab atas tindakan mereka, sekaligus memperkukuh integriti badan kehakiman.

Memberi Syor Pelantikan atau Pembatalan Pelantikan

Dengan adanya mekanisme ini, kuasa eksekutif tidak lagi dominan dalam menentukan pelantikan atau pembatalan hakim. DYMM Yang Dipertuan Besar hanya membuat keputusan berdasarkan syor badan bebas, sama seperti model pelantikan hakim sivil di bawah *Judicial Appointments Commission Act 2009 (Act 695)*.

Perubahan ini selaras dengan pandangan Farid Sufian Shuaib (2003), yang menegaskan bahawa tanpa mekanisme pelantikan bebas, institusi kehakiman Syariah akan terus dilihat lemah kerana mudah dipengaruhi oleh kuasa eksekutif. Pandangan ini turut sejalan dengan hujah Shamrahayu A. Aziz (2022), yang menekankan bahawa kebebasan kehakiman hanya akan wujud jika hakim-hakim dilantik melalui proses yang bebas daripada pengaruh pentadbiran agama.

Tambahan pula, penubuhan Jawatankuasa Kehakiman Syariah ini mempunyai implikasi yang luas:

- i. Meningkatkan keyakinan awam. Apabila hakim dilantik melalui mekanisme bebas, masyarakat akan lebih yakin terhadap keadilan keputusan yang dibuat.
- ii. Menyelaraskan kehakiman Syariah dengan kehakiman sivil. Dalam sistem sivil, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman berfungsi memastikan pemilihan hakim yang bebas dan telus. Model Negeri Sembilan kini mencerminkan prinsip yang sama, menjadikan institusi kehakiman Syariah tidak lagi dianggap “*second class*” berbanding kehakiman sivil.
- iii. Mewujudkan budaya akauntabiliti. Hakim kini terikat kepada kod etika yang boleh dikuatkuasakan oleh jawatankuasa ini. Sekiranya berlaku pelanggaran, tindakan disiplin boleh diambil dengan lebih berkesan.

Namun, cabaran utama pelaksanaan ialah memastikan Jawatankuasa Kehakiman Syariah benar-benar bebas daripada pengaruh politik dan eksekutif agama. Keanggotaannya perlu terdiri daripada individu-individu yang dihormati, berintegriti tinggi, dan mempunyai kepakaran undang-undang Islam yang mantap. Tanpa ini, risiko jawatankuasa dijadikan alat pengaruh politik masih wujud.

Secara keseluruhan, penubuhan Jawatankuasa Kehakiman Syariah dalam Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 menandakan satu langkah ke hadapan yang signifikan. Ia memperkukuh prinsip judicial independence, mewujudkan sistem pelantikan hakim yang lebih telus dan profesional, serta menyumbang kepada pembinaan imej institusi kehakiman Syariah yang bebas, berintegriti dan dihormati sejajar dengan prinsip *rule of law* dan *maqasid syariah*.

Kod Etika Kehakiman

Salah satu inovasi penting yang diperkenalkan oleh Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 ialah peruntukan kuasa kepada Jawatankuasa Kehakiman Syariah untuk menggubal dan menguatkuasakan Kod Etika Kehakiman Syariah. Ini merupakan langkah pertama dalam sejarah kehakiman Syariah Negeri Sembilan yang secara jelas menekankan aspek integriti, profesionalisme, dan akauntabiliti hakim melalui mekanisme bertulis yang sah dari segi undang-undang.

Secara asasnya, kod etika ini mempunyai dua fungsi utama:

- i. Sebagai garis panduan profesional untuk memastikan setiap hakim syarie mematuhi standard tinggi dari sudut kelakuan, keadilan, dan pengurusan kes. Kod ini meliputi prinsip integriti, ketelusan, larangan konflik kepentingan, serta keperluan menjaga kerahsiaan dan kewibawaan institusi kehakiman.
- ii. Sebagai instrumen undang-undang bagi membolehkan tindakan disiplin diambil sekiranya berlaku pelanggaran. Dengan adanya kod ini, Jawatankuasa Kehakiman Syariah boleh mengambil tindakan yang lebih teratur, sama ada berbentuk teguran, amaran, penggantungan atau pembatalan pelantikan hakim, bergantung kepada tahap pelanggaran.

Peruntukan ini meletakkan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan seiring dengan kehakiman sivil. Dalam sistem sivil, *Code of Ethics for Judges 2009* (yang digubal di bawah Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan) menjadi asas utama dalam menjaga integriti hakim-hakim di Malaysia. Kod tersebut menekankan larangan terhadap rasuah, konflik kepentingan, serta kelakuan yang boleh menjejaskan kepercayaan awam terhadap mahkamah. Perbandingan ini menunjukkan bahawa enakmen baharu Negeri Sembilan bukan sahaja memperkukuh prinsip keadilan Islam, tetapi turut menyesuaikan diri dengan amalan perundangan moden yang menuntut akauntabiliti institusi kehakiman.

Menurut Ahmad Ibrahim (1997), kekuatan sesebuah institusi kehakiman Islam bukan semata-mata bergantung pada peruntukan undang-undang, tetapi lebih kepada integriti dan profesionalisme hakim yang mengendalikannya. Oleh itu, pengenalan kod etika ini amat signifikan kerana ia bukan sahaja menegaskan nilai moral dan agama yang harus dijunjung oleh hakim Syariah, malah memberikan asas undang-undang yang membolehkan penguatkuasaan dibuat dengan lebih berkesan.

Tambahan pula, kod etika kehakiman ini dapat memperkukuh prinsip *judicial independence*. Hakim yang dilindungi oleh garis panduan etika lebih mampu membuat keputusan tanpa takut atau terikat kepada tekanan luar, sama ada daripada badan eksekutif agama, politik, atau masyarakat. Dalam konteks kepercayaan awam (*public confidence*), kod etika ini akan meningkatkan persepsi masyarakat bahawa hakim Syariah bukan sahaja pakar dalam hukum Islam, tetapi juga profesional dalam melaksanakan tanggungjawab kehakiman.

Namun, pelaksanaan kod etika ini juga membawa cabaran. Pertama, kejelasan peruntukan perlu diberi perhatian agar tidak wujud ruang tafsiran yang boleh disalahgunakan. Kedua, Jawatankuasa Kehakiman Syariah perlu bebas daripada pengaruh eksekutif supaya tindakan disiplin tidak bersifat selektif. Ketiga, hakim-hakim perlu diberikan latihan berterusan dalam aspek integriti, pengurusan konflik kepentingan, dan prinsip akauntabiliti agar kod ini benar-benar dapat dilaksanakan dalam amalan.

Secara keseluruhannya, penggubalan dan penguatkuasaan Kod Etika Kehakiman Syariah melalui Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 adalah satu reformasi penting yang mengangkat martabat kehakiman Syariah ke tahap yang lebih profesional, telus, dan berintegriti. Ia membuktikan bahawa sistem kehakiman Islam bukan sahaja berpaksikan prinsip *maqasid syariah*, tetapi juga responsif terhadap keperluan tadbir urus kehakiman moden yang menuntut ketelusan, kebebasan, dan kebertanggungjawaban.

Integrasi Sistem Digital dan Teknologi Kehakiman

Selain daripada aspek struktur organisasi dan perundangan, Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 turut memberi penekanan kepada penggunaan teknologi digital dalam pentadbiran kehakiman Syariah. Inisiatif ini lahir daripada kesedaran bahawa teknologi bukan lagi pilihan tambahan, tetapi satu keperluan asas dalam memastikan kelangsungan sistem perundangan, khususnya selepas pengalaman pandemik COVID-19 yang mempercepatkan proses digitalisasi dalam banyak sektor termasuk kehakiman. Antara inovasi utama yang diperuntukkan ialah:

Sistem E-Filing (Pendaftaran Kes secara Elektronik)

Dalam konteks pelaksanaan semasa, pendaftaran kes melalui sistem e-filing masih dijalankan oleh petugas kaunter mahkamah, dan dengan itu tiada lagi proses manual menggunakan fail kertas. Setakat ini, hanya beberapa agensi tertentu iaitu Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), dan Jabatan Pendakwaan Syariah yang diberikan akses untuk mendaftarkan kes secara atas talian tanpa perlu hadir secara fizikal di kaunter mahkamah.

Langkah ini bukan sahaja mempercepatkan proses pentadbiran mahkamah, malah mengurangkan kebergantungan kepada dokumen bercetak, menjimatkan kos, serta meminimumkan kesilapan manual. Dalam jangka panjang, sistem ini diyakini dapat menyokong prinsip akses kepada keadilan (*access to justice*) kerana ia membolehkan pihak-pihak berkenaan menguruskan kes dengan lebih efisien, cepat, dan teratur, seiring dengan aspirasi transformasi digital kehakiman Syariah.

Pendengaran dalam Talian (Online Hearing)

Seiring dengan amalan mahkamah sivil melalui sistem *e-Court*, enakmen ini membolehkan perbicaraan dijalankan secara maya menggunakan platform persidangan video. Ini memberi manfaat besar terutama bagi kes-kes yang melibatkan pihak dari lokasi berbeza atau dalam keadaan kecemasan seperti pandemik. Mahkamah Persekutuan Malaysia (2021) melaporkan bahawa pelaksanaan *remote hearing* dalam sistem sivil telah membantu mempercepatkan penyelesaian kes, mengurangkan penangguhan, serta meningkatkan keberkesanan pengurusan mahkamah.

Pengurusan Dokumen Kehakiman secara Elektronik

Dengan peruntukan ini, fail dan dokumen mahkamah boleh diakses secara digital, seterusnya meminimumkan penggunaan kertas, mengurangkan risiko kehilangan dokumen, serta memudahkan pengesanan rekod. Sistem ini juga membuka ruang kepada integrasi dengan pangkalan data lain, seperti rekod pendaftaran perkahwinan, perceraian, dan rekod penguatkuasaan yang diselenggara oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Selain kemudahan teknikal, integrasi sistem digital turut membawa implikasi penting dari segi ketelusan dan pemantauan prestasi. Melalui sistem berkomputer, statistik seperti jumlah kes didaftarkan, masa purata penyelesaian kes, dan kadar pematuhan kepada jadual bicara dapat dipantau secara langsung. Data ini penting sebagai asas kepada kajian keberkesanan reformasi kehakiman Syariah serta penilaian prestasi hakim dan pegawai kehakiman. Inisiatif ini juga selari dengan trend global. Di peringkat antarabangsa, mahkamah-mahkamah di negara maju telah lama melaksanakan sistem *e-justice* yang mengintegrasikan e-filing, pendengaran maya, dan pangkalan data undang-undang digital. Menurut laporan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) 2020*, negara-negara seperti Korea Selatan, Singapura, dan United Kingdom telah menunjukkan peningkatan ketara dalam kecekapan kehakiman melalui adaptasi teknologi digital. Negeri Sembilan, melalui Enakmen 2024, kini melangkah ke arah yang sama, sekaligus memperlihatkan kesediaan institusi kehakiman Islam untuk bergerak seiring dengan arus transformasi digital global.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan teknologi ini tidak terlepas daripada cabaran. Antara isu utama ialah keperluan latihan intensif untuk hakim dan pegawai mahkamah agar mereka mahir menggunakan sistem baharu; isu capaian internet di kawasan luar bandar; serta kebimbangan berkaitan keselamatan siber dan kerahsiaan dokumen kehakiman. Tanpa strategi pengurusan risiko yang baik, digitalisasi boleh menimbulkan kerentanan baharu dalam sistem kehakiman.

Integrasi sistem digital dan teknologi kehakiman dalam Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 bukan sahaja memodenkan proses pentadbiran, malah memperkukuh prinsip akses kepada keadilan, ketelusan, dan efisiensi. Inisiatif ini membuktikan bahawa institusi kehakiman Syariah bukanlah entiti yang statik, tetapi bersedia untuk berkembang seiring dengan tuntutan zaman, sambil mengekalkan asasnyanya pada prinsip *maqasid syariah* dalam menjamin kemaslahatan masyarakat.

Kesimpulan

Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 menandakan suatu transformasi penting dalam landskap kehakiman Islam di Negeri Sembilan. Isu utama yang dikenal pasti sebelum ini ialah ketiadaan kerangka undang-undang khusus yang dapat menjamin kebebasan, integriti, dan profesionalisme institusi kehakiman Syariah, kerana struktur terdahulu masih bergantung kepada peruntukan umum Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003. Kajian ini membuktikan bahawa enakmen baharu berjaya mengisi kekosongan tersebut melalui pembentukan struktur kehakiman yang lebih tersusun dan bersepadu.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penubuhan Mahkamah Utama Syariah telah memperkukuh sistem rayuan dengan menyediakan peluang semakan kedua, sekali gus meningkatkan tahap keadilan dan konsistensi keputusan. Sementara itu, Jawatankuasa Kehakiman Syariah menjadi tonggak penting dalam menjamin kebebasan kehakiman dengan mewujudkan mekanisme bebas untuk pelantikan, tatatertib, dan etika hakim. Peruntukan kod etika kehakiman buat pertama kali pula mengangkat profesionalisme badan kehakiman ke tahap lebih tinggi. Tambahan pula, integrasi sistem digital seperti *e-filing* dan pendengaran dalam talian menunjukkan kesediaan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan mendepani cabaran abad ke-21, seiring dengan amalan mahkamah sivil dan kehakiman moden.

Secara perbandingan, Negeri Sembilan bukan sahaja mengikuti jejak negeri-negeri seperti Perak, Kedah dan Sabah dalam menggubal enakmen kehakiman khusus, tetapi turut melangkah lebih jauh dengan memperkenalkan elemen inovatif seperti integrasi teknologi dan peruntukan etika kehakiman secara eksplisit. Hal ini membuktikan bahawa Negeri Sembilan telah meletakkan dirinya sebagai peneraju reformasi kehakiman Syariah di Malaysia.

Kajian ini menegaskan bahawa penggubalan dan pelaksanaan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2024 adalah signifikan bukan sahaja dari sudut pentadbiran negeri, tetapi juga sebagai model nasional untuk pembangunan sistem kehakiman Syariah yang lebih bebas, responsif, dan berintegriti. Ia memberikan asas akademik dan praktikal yang kukuh bahawa pembaharuan institusi kehakiman Syariah adalah suatu keperluan mendesak demi memastikan pelaksanaan keadilan Islam sejajar dengan prinsip *maqasid syariah* dan tuntutan tadbir urus yang baik.

Rujukan

- Aziz, S. A. (2022, September 14). *Cabaran kebebasan Mahkamah Syariah di Malaysia*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my>
- Buang, A. H. (2018). Apa yang tinggal lagi kepada Mahkamah Syariah: Ulasan kes Indira Gandhi a/p Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals [2018] 1 MLJ 545. *Journal of Shariah Law Research*, 3(2), 237–260.
- Bulan, R., & Hamzah, W. A. (2015). *An introduction to the Malaysian legal system* (5th ed.). Sweet & Maxwell.
- Che Pa, H., Muhammad, N. H. N., & Mustar, S. (2016). Bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah selepas pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan: Satu penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4(1), 1–15.
- Dimon, Z. (2021, April). Perkembangan penyeragaman undang-undang Islam di Malaysia: Analisis terhadap Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. Dalam *International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSyAL 2021)*.
- Enh, A. M., & Yusoff, N. F. (2019). Pengenalan undang-undang Inggeris di Negeri Sembilan 1895–1950. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 28(1), 15–35.
- Ibrahim, A. (1997). *Undang-undang keluarga Islam di Malaysia*. Malayan Law Journal.
- Ibrahim, M. A. (1997). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. (2014). *5 dekad merentasi zaman 1960–2014*. JKSN.
- Mahkamah Persekutuan Malaysia. (2021). *Annual report on e-Court implementation*. Office of the Chief Registrar.
- Muhammad, R. W. (2009). Sejarah pentadbiran kehakiman Islam di Malaysia: Satu sorotan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 21(1), 1–10.
- Nasohah, Z., Nor, S. Z. M., & Abdullah, R. (2012). Kedudukan Mahkamah Syariah dalam sistem perundangan Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 4(1), 71–90.
- Nasri, M. S. (2018). Akta 355 dan perkembangan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam perkara jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance*, 1(1), 80–95.
- Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (2019) *Kod Etika Pegawai Kehakiman 2019* (Malaysia).
- Ramli, Y. M. (2019). Kedudukan institusi kehakiman Syariah dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. *Journal of Islamic Law Review*, 15(2), 45–62.
- Shuaib, F. S. (2003). *Powers and jurisdiction of Syariah courts in Malaysia*. LexisNexis Malaysia.
- Shuaib, F. S., Bustami, T. A. A., & Kamal, M. H. M. (2010). *Administration of Islamic law in Malaysia*. LexisNexis Malaysia.
- Yaacob, A. M. (2009). Perlaksanaan perundangan Islam di Malaysia: Satu penilaian. *Jurnal Fiqh*, 6, 1–20.
- Yaacob, A. M. (2015). *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Univision Press.